

Selangor mahu saman syarikat cemar sungai

GOMBAK: Kerajaan Selangor mungkin mengambil tindakan mahkamah terhadap syarikat yang menyebabkan berlakunya tumpahan minyak kelapa sawit ke Sungai Gombak, Batu 12 di sini, Jumaat lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri, Datuk Abdul Fatah Iskandar, berkata pihaknya akan bermesyuarat dengan pihak berkaitan termasuk Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (Puncak Niaga) hari ini mengenai tindakan yang bakal diambil.

Katanya, tindakan undang-undang dirasakan perlu kerana tumpahan itu menyebabkan berlakunya pencemaran pada Loji Air Gombak yang boleh menjejaskan bekalan kepada kira-kira 12,000 penduduk.

“Kita akan mengadakan mesyuarat hari ini bagi menentukan tindakan sama ada kompaun atau tindakan mahkamah kepada syarikat terbabit.

“Jika syarikat berkenaan didapati

bersalah, mereka boleh dikenakan denda sehingga RM100,000,” katanya ketika dihubungi *Berita Harian* di sini, semalam.


Akhbar semalam melaporkan, kemalangan membabitkan sebuah lori tangki yang membawa bahan mentah sawit menyebabkan limpahan minyak berlaku di Kilometer 31, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak kira-kira jam 8.30 malam Jumaat lalu.

Bagaimanapun, minyak yang tumpah hanya menjejaskan kawasan sungai sepanjang 5 kilometer dan tiada pencemaran dikesan pada tangki sedutan di loji air Gombak.

Abdul Fatah berkata, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) menyediakan kira-kira 400 tangki statik sebagai persediaan sekiranya berlaku masalah bekalan air.

Katanya, ketika ini kontraktor masih menjalankan kerja pembersihan bagi memastikan Sungai Gombak bersih sepenuhnya dan pengguna dapat menerima bekalan air yang bersih.

“Setakat ini kami tidak menerima



MOHD SAID SAMAD / BERITA HARIAN

ELAK MENULAR: Penebat digunakan bagi mengumpul sisa minyak sawit yang tumpah di Sungai Gombak.

sebarang aduan daripada pengguna mengenai masalah bekalan air di kawasan masing-masing.

“Kami jangkakan jam 5 petang ini (semalam) akan selesai semua kerja pembersihan dan air akan mula disedut ke loji yang mana keadaan akan kembali seperti sedia kala pada tengah malam nanti,” katanya.

Tinjauan *Berita Harian* ke Loji Air Gombak mendapati, kesan tumpahan

FAKTA NOMBOR

12,000
Penduduk sekitar Gombak terjejas jika loji Air Gombak tercemar

RM100,000
Denda jika bersalah

minyak sawit di Sungai Rumput Mati hanya tinggal sedikit saja berikutan terdapat dua perangkap minyak diletakkan di sungai berkenaan yang bertindak sebagai penapis.

Malah kelihatan ramai pengunjung datang berkelah dan mandi di sungai terbabit sekali gus membuktikan tumpahan minyak sudah dibersihkan dan tiada sebarang pencemaran berlaku.